
PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2019

- Rujukan** : UNIMAS/BEND/01-02/03 Jld.2 (19)
- Kepada** : Dekan/Timbangan Dekan/Pengarah/Ketua Unit/Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar
- Daripada** : Bendahari
- Tarikh** : 19 Disember 2019
- Perkara** : **Pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 7.5 – Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan di Universiti Malaysia Sarawak**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 7.5 Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan dalam perolehan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sarawak Bil. 5/2019 ke 91.

a) **Latar Belakang**

- 1.1. Penekanan oleh Kementerian Kewangan (MOF) kepada Badan Berkanun Persekutuan (BBP) termasuk Pihak Berkuasa Koridor hendaklah mematuhi semua peraturan kewangan yang dikeluarkan oleh MOF dari semasa ke semasa. Keputusan ini adalah mengambil kira kebertanggungjawaban MOF ke atas wang rakyat. Walaupun secara perundangannya BBP ditubuhkan sebagai entiti berasingan, Kerajaan Persekutuan masih mempunyai tanggungjawab memastikan wang tersebut dibelanjakan secara berhemat dan bebas daripada ketirisan.
- 1.2. Justeru, pekeling WP 7.5 berkenaan menetapkan peraturan BBP yang menggunakan sama ada sumber Kerajaan Persekutuan atau sumber dalaman BBP. Kementerian Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan urusan perolehan BBP sentiasa dilaksanakan berdasarkan ketetapan dalam pekeling tersebut.

b) Definisi Sumber Peruntukan

2.1 Dana Kerajaan Persekutuan

- a. Sumber Kerajaan Persekutuan secara geran, pinjaman atau sebarang peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya bagi membiayai perbelanjaan operasi mengurus dan pembangunan projek/perolehan BBP;
- b. Baki daripada geran, pinjaman atau sebarang peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- c. Hasil atau faedah/hibah daripada pelaburan yang menggunakan sumber Kerajaan Persekutuan

2.2 Dana Dalam Badan Berkanun Persekutuan

- a. Terimaan atau hasil selain daripada dana Kerajaan Persekutuan seperti di perenggan 2.1.

c) Perolehan Badan Berkanun Persekutuan

Perlaksanaan perolehan BBP di UNIMAS adalah seperti di **Lampiran A**.

4. Perkara Lain Yang Tidak Dinyatakan di Perenggan 3

Bagi peraturan lain yang tidak dinyatakan secara khusus seperti di perenggan 3 di atas, BBP hendaklah mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa seperti ditetapkan oleh MOF dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa.

5. Pengecualian Peraturan Perolehan

5.1 Dana Kerajaan Persekutuan

Sebarang pengecualian ke atas peraturan perolehan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF terlebih dahulu melalui perakuan Lembaga Pengarah dan Kementerian Pengawal untuk keputusan muktamad.

5.2 Dana Dalam Badan Berkanun Persekutuan

Sebarang pengecualian ke atas peraturan perolehan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah BBP terlebih dahulu melalui perakuan Lembaga Perolehan dan dikemukakan kepada MOF untuk kelulusan .

Tarikh Kuatkuasa

Pekeliling ini hendaklah dipanjangkan kepada staf PTj di bawah seliaan masing-masing agar pematuhan kepada pekeliling ini dapat diikuti sepenuhnya.

Pekeliling ini berkuatkuasa pada **15 November 2019**.

Sekian, harap maklum.



Hj Mazlan Kiflie

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Pendaftar
 - Ketua Audit Dalam

PERLAKSANAAN PEROLEHAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI UNIMAS

3.1 Lembaga Perolehan

3.1.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.1.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>a) Pemakaian Gelaran Lembaga Perolehan</p> <p>Universiti menggunakan gelaran Lembaga Perolehan Universiti Malaysia Sarawak</p> <p>b) Bilangan Penubuhan Lembaga Perolehan</p> <p>Satu (1) Lembaga Perolehan untuk UNIMAS.</p> <p>c) Keanggotaan Lembaga Perolehan</p> <p>Keanggotaan Lembaga Perolehan dilantik oleh Lembaga Pengarah UNIMAS dengan mengambilkira syarat berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai dan Pengerusi Ganti Lembaga Perolehan hendaklah merupakan seorang pegawai awam atau pegawai Badan Berkanun Persekutuan dalam kalangan Ahli Lembaga Pengarah UNIMAS; 	<p>a) Universiti menggunakan Lembaga Perolehan yang sama seperti di perkara 3.1.1.</p> <p>b) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya atas keputusan yang dibuat.</p>	

3.1.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.1.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>ii. Pengerusi dan Pengerusi Ganti bukan merupakan lantikan politik;</p> <p>iii. Pengerusi dan Pengerusi Ganti bukan merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS;</p> <p>iv. Wakil Kementerian Kewangan dalam Lembaga Pengarah UNIMAS boleh menganggotai Lembaga Perolehan;</p> <p>v. Wakil daripada Jabatan Teknik dalam BBP/Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR Malaysia)/Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS Malaysia) boleh dilantik sebagai ahli Lembaga Perolehan sekiranya kepakaran teknikal diperlukan;</p> <p>vi. Lembaga Pengarah boleh melantik mana-mana pegawai awam/BBP sebagai ahli Lembaga Perolehan yang boleh memberi sumbangan dalam bidang tertentu sekiranya diperlukan; dan</p> <p>vii. Kuorum mesyuarat adalah tiga (3) orang iaitu Pengerusi dan dua (2) ahli Lembaga Perolehan yang dilantik.</p>		

3.1.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.1.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>viii. Keahlian Lembaga Perolehan UNIMAS :</p> <p>Naib Canselor - Pengerusi</p> <p>Timbalan Naib Canselor - Pengerusi Ganti (semasa ketidakhadiran Pengerusi)</p> <p>Wakil Kementerian Kewangan - Ahli</p> <p>Wakil Kementerian Pendidikan Malaysia - Ahli</p> <p>Wakil Pengarah Kerja Raya Malaysia - Ahli</p> <p>Bendahari - Setiausaha</p>		<p>Pindaan ke atas :</p> <p>1. Pekeliling Bendahari Bil.1/2004, PKPU 129 (b)</p> <p>2. Pekeliling Bendahari Bil.4/2018</p>

3.1.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.1.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>d) Pewartaan Lembaga Perolehan</p> <p>Penyediaan warta Lembaga Perolehan adalah berdasarkan punca kuasa Akta Tubuh UNIMAS serta berdasarkan jawatan.</p> <p>e) Keputusan Lembaga Perolehan hendaklah sebulat suara dan adalah muktamad.</p>		

3.2 Jawatankuasa Sebut Harga

3.2.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.2.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>a) Pemakaian Gelaran Jawatankuasa Sebut Harga</p> <p>Universiti menggunakan gelaran Jawatankuasa Sebut Harga Universiti Malaysia Sarawak</p> <p>b) Keanggotaan Jawatankuasa Sebut Harga dilantik oleh Lembaga Pengarah UNIMAS dengan mengambil kira syarat berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pengerusi dan Pengerusi Ganti Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah merupakan pegawai BBP; 		

3.2.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.2.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>ii. Pengerusi dan Pengerusi Ganti Jawatankuasa Sebut Harga bukan merupakan Pengerusi Lembaga Perolehan atau Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS;</p> <p>iii. Ahli Jawatankuasa Sebut Harga boleh dilantik dalam kalangan pegawai BBP;</p> <p>iv. Wakil daripada Jabatan Teknik dalam BBP/JKR Malaysia/JPS Malaysia boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Sebut Harga sekiranya kepakaran teknikal diperlukan; dan</p> <p>v. Kuorum mesyuarat adalah tiga (3) orang iaitu Pengerusi dan dua (2) ahli yang telah dilantik.</p> <p>vi. Keahlian Jawatankuasa Sebut Harga adalah kekal seperti di dalam Tatacara Pengurusan Perolehan UNIMAS (perkara 2.2.8(iii)).</p> <p>c) Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga sebulat suara dan adalah muktamad.</p>	<p>a) Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan seperti perenggan 3.2.1.</p> <p>b) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya atas keputusan yang dibuat.</p>	

3.3 Keputusan Tidak Sebulat Suara

3.3.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.3.2 Dana Dalamam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>a) Lembaga Perolehan UNIMAS</p> <p>Diperakukan oleh Lembaga Perolehan melalui Lembaga Pengarah UNIMAS dan Kementerian Pegawai kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF untuk keputusan muktamad.</p> <p>b) Jawatankuasa Sebut Harga</p> <p>Diperakukan oleh Jawatankuasa Sebut Harga kepada Lembaga Perolehan untuk keputusan muktamad.</p>	<p>a) Lembaga Perolehan UNIMAS</p> <p>Diperakukan oleh Lembaga Perolehan kepada Lembaga Pengarah UNIMAS untuk keputusan muktamad.</p> <p>b) Jawatankuasa Sebut Harga</p> <p>Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya atas keputusan yang dibuat.</p>	

3.4 Pihak Berkuasa Melulus

3.4.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.4.2 Dana Dalamam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan								
<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1115 1962 1219 2045">Nilai Perolehan</th> <th data-bbox="1115 1592 1219 1962">Pihak Berkuasa Melulus</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1219 1962 1294 2045">a) Pembelian Terus Sehingga RM20,000</td> <td data-bbox="1219 1592 1294 1962">Ketua Pusat Tanggungjawab</td> </tr> </tbody> </table>	Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus	a) Pembelian Terus Sehingga RM20,000	Ketua Pusat Tanggungjawab	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1115 931 1219 1227">Nilai Perolehan</th> <th data-bbox="1115 645 1219 931">Pihak Berkuasa Melulus</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1219 931 1294 1227">a) Pembelian Terus Sehingga RM20,000</td> <td data-bbox="1219 645 1294 931">Ketua Pusat Tanggungjawab</td> </tr> </tbody> </table>	Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus	a) Pembelian Terus Sehingga RM20,000	Ketua Pusat Tanggungjawab	<p>Pindaan ke atas :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pekeliling Bendahari Bil. 2/2016, Tatacara Perolehan Universiti Malaysia Sarawak [Perkara 2.1.1(a) dan 2.2.1(a), (i)]
Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus									
a) Pembelian Terus Sehingga RM20,000	Ketua Pusat Tanggungjawab									
Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus									
a) Pembelian Terus Sehingga RM20,000	Ketua Pusat Tanggungjawab									

3.4.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.4.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)		Rujukan															
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Nilai Perolehan</th> <th>Pihak Berkuasa Melulus</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>b) Sebut Harga Melebihi RM20,000 sehingga RM500,000</td> <td>Jawatankuasa Sebut Harga</td> </tr> <tr> <td>c) Tender Melebihi RM500,000 sehingga RM100 juta</td> <td>Lembaga Perolehan</td> </tr> <tr> <td>d) Melebihi RM100 juta</td> <td>MOF (melalui perakuan Lembaga Pengarah dan Kementerian Pengawal)</td> </tr> </tbody> </table>	Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus	b) Sebut Harga Melebihi RM20,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga	c) Tender Melebihi RM500,000 sehingga RM100 juta	Lembaga Perolehan	d) Melebihi RM100 juta	MOF (melalui perakuan Lembaga Pengarah dan Kementerian Pengawal)	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Nilai Perolehan</th> <th>Pihak Berkuasa Melulus</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>b) Sebut Harga Melebihi RM20,000 sehingga RM500,000</td> <td>Jawatankuasa Sebut Harga</td> </tr> <tr> <td>c) Tender Melebihi RM500,000 sehingga RM100 juta</td> <td>Lembaga Perolehan</td> </tr> <tr> <td>d) Melebihi RM100 juta</td> <td>Lembaga Pengarah (melalui perakuan Lembaga Perolehan)</td> </tr> </tbody> </table>	Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus	b) Sebut Harga Melebihi RM20,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga	c) Tender Melebihi RM500,000 sehingga RM100 juta	Lembaga Perolehan	d) Melebihi RM100 juta	Lembaga Pengarah (melalui perakuan Lembaga Perolehan)	
Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus																	
b) Sebut Harga Melebihi RM20,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga																	
c) Tender Melebihi RM500,000 sehingga RM100 juta	Lembaga Perolehan																	
d) Melebihi RM100 juta	MOF (melalui perakuan Lembaga Pengarah dan Kementerian Pengawal)																	
Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus																	
b) Sebut Harga Melebihi RM20,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga																	
c) Tender Melebihi RM500,000 sehingga RM100 juta	Lembaga Perolehan																	
d) Melebihi RM100 juta	Lembaga Pengarah (melalui perakuan Lembaga Perolehan)																	
			<p>e) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya atas keputusan yang dibuat.</p>															

3.5 Kaedah Perolehan

3.5.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.5.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>a) Perolehan Bekalan, Perkhidmatan & Kerja</p> <p>Semua perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja hendaklah mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.</p> <p>b) Perolehan Perunding</p> <p>Semua perolehan perunding hendaklah mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.</p> <p>c) Kontrak Pusat dan Kontrak Panel Berpusat</p> <p>Semua perolehan kontrak pusat dan kontrak panel berpusat hendaklah mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.</p>	<p>a) Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan seperti perenggan 3.5.1.</p> <p>b) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya atas keputusan yang dibuat.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pekeliling Perolehan – PK 2 2. Pekeliling Bendahari Bil. 4/2016, Tatacara Pengurusan Perolehan 3. Pekeliling Perolehan – PK 3

3.6 Rundingan Terus dan Tender Terhad

3.6.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.6.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>a) Tatacara kaedah rundingan terus hendaklah mematuhi Pekeliling Bendahari Bil. 5/2019.</p> <p>b) Kaedah Tender Terhad adalah <u>TIDAK DIBENARKAN.</u></p>	<p>a) Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan seperti di perenggan 3.6.1.</p>	

<p>3.6.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)</p>	<p>3.6.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)</p>	<p>Rujukan</p>
	<p>b) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya atas keputusan yang dibuat.</p>	

3.7 Rujukan Kepada Jabatan Teknik Bagi Pelaksanaan Projek Fizikal

<p>3.7.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)</p>	<p>3.7.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)</p>	<p>Rujukan</p>
<p>a) Definisi Jabatan Teknik</p> <p>Universiti perlu mempunyai <i>full-fledged technical team</i> (Arkitek, Jurutera Awam & Struktur, Jurutera Elektrik dan Ukur Bahan) yang mencukupi, bersesuaian dengan bilangan projek fizikal yang akan dilaksanakan serta tidak memerlukan perkhidmatan <i>Project Management Consultant (PMC)</i> dan <i>Independent Checker Consultants (ICC)</i>.</p> <p>b) Badan Berkanun Persekutuan Yang Mempunyai Jabatan Teknik Sendiri (kecuali Pihak Berkuasa Koridor)</p> <p>Universiti dibenarkan untuk merujuk kepada Jabatan Teknik masing-masing tanpa melalui JKR Malaysia/JPS Malaysia.</p>	<p>a) Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan seperti di perenggan 3.7.1.</p> <p>b) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya atas keputusan yang dibuat.</p>	

3.7.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.7.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah UNIMAS digalakkan untuk mendapatkan pandangan kedua (<i>second opinion</i>) daripada JKR Malaysia/JPS Malaysia bagi mana-mana projek yang berada di luar kepakaran/kemampuan Jabatan teknik masing-masing terutamanya bagi projek yang kompleks/bernilai besar.</p> <p>c) BBP Yang Tidak Mempunyai Jabatan Teknik Sendiri dan Pihak Berkuasa Koridor</p> <p>BBP yang tidak mempunyai Jabatan Teknik sendiri dan semua Pihak Berkuasa Koridor hendaklah merujuk kepada JKR Malaysia/JPS Malaysia terlebih dahulu tanpa sebarang had nilai.</p>		

3.8 Pemakaian Bon Perlaksanaan

3.8.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.8.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>a) Pematuhan</p> <p>Pengenaan bon pelaksanaan (BP) dalam perolehan BBP hendaklah mematuhi PP/PK 4.2.</p>	<p>a) Pematuhan</p> <p>Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan seperti di perenggan 3.8.1. (a)</p>	

3.8.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.8.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)		Rujukan												
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis Perolehan</th> <th>Nilai Kontrak</th> <th>Kadar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bekalan/Perkhidmatan</td> <td>RM200 ribu – RM500 ribu</td> <td>2.5%</td> </tr> <tr> <td>Bekalan/Perkhidmatan</td> <td>Melebihi RM500 ribu</td> <td>5%</td> </tr> <tr> <td>Kerja</td> <td>Melebihi RM200 ribu</td> <td>5%</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis Perolehan	Nilai Kontrak	Kadar	Bekalan/Perkhidmatan	RM200 ribu – RM500 ribu	2.5%	Bekalan/Perkhidmatan	Melebihi RM500 ribu	5%	Kerja	Melebihi RM200 ribu	5%	<p>b) Pengecualian</p> <p>Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan seperti di perenggan 3.8.1 (b).</p>		
Jenis Perolehan	Nilai Kontrak	Kadar													
Bekalan/Perkhidmatan	RM200 ribu – RM500 ribu	2.5%													
Bekalan/Perkhidmatan	Melebihi RM500 ribu	5%													
Kerja	Melebihi RM200 ribu	5%													
<p>b) Pengecualian</p> <p>Bagi perolehan dari satu sumber dan BBP tidak mempunyai pilihan syarikat lain sebagai alternatif, sekiranya syarikat tidak bersetuju dengan syarat penetapan BP, pengecualian boleh dipertimbangkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus seperti di perenggan 3.8.1 (c).</p>	<p>c) Pihak Berkuasa Melulus Untuk Pengecualian Bon Perlaksanaan</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Sehingga RM500 ribu</th> <th>Jawatankuasa Sebut Harga</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Melebihi RM500 ribu sehingga RM100 juta</td> <td>Lembaga Perolehan</td> </tr> <tr> <td>Melebihi RM100 juta</td> <td>Lembaga Pengarah (melalui perakuan Lembaga Perolehan)</td> </tr> </tbody> </table>		Sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga	Melebihi RM500 ribu sehingga RM100 juta	Lembaga Perolehan	Melebihi RM100 juta	Lembaga Pengarah (melalui perakuan Lembaga Perolehan)							
Sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga														
Melebihi RM500 ribu sehingga RM100 juta	Lembaga Perolehan														
Melebihi RM100 juta	Lembaga Pengarah (melalui perakuan Lembaga Perolehan)														
<p>c) Pihak Berkuasa Melulus Untuk Pengecualian Bon Perlaksanaan</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Sehingga RM500 ribu</th> <th>Jawatankuasa Sebut Harga</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Melebihi RM500 ribu sehingga RM100 juta</td> <td>Lembaga Perolehan</td> </tr> <tr> <td>Melebihi RM100 juta</td> <td>MOF (melalui perakuan Lembaga Pengarah dan Kementerian Pengawal)</td> </tr> </tbody> </table>	Sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga	Melebihi RM500 ribu sehingga RM100 juta	Lembaga Perolehan	Melebihi RM100 juta	MOF (melalui perakuan Lembaga Pengarah dan Kementerian Pengawal)									
Sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga														
Melebihi RM500 ribu sehingga RM100 juta	Lembaga Perolehan														
Melebihi RM100 juta	MOF (melalui perakuan Lembaga Pengarah dan Kementerian Pengawal)														

3.8.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.8.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>d) Sekiranya Pihak Berkuasa Melulus memberi pengecualian Bon Perlaknaan, alternatif kenaan BP adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tahanan bayaran minimum 10% daripada nilai kontrak; atau ii. Tahan keseluruhan bayaran akhir sehingga obligasi selesai. 	<p>d) Sekiranya Pihak Berkuasa Melulus memberi pengecualian Bon Perlaknaan, alternatif kenaan BP adalah seperti berikut:</p> <p>Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan seperti di perenggan 3.8.1 (d).</p> <p>e) Sebarang pengecualian ke atas ketetapan ini adalah terletak di bawah kuasa Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keputusan yang dibuat.</p>	

3.9 Penglibatan Syarikat Atau Anak Syarikat Dalam Perolehan UNIMAS

3.9.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.9.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>a) Penglibatan syarikat/anak syarikat di dalam perolehan badan induknya adalah dibenarkan tertakluk kepada tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa dan dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melulus yang ditetapkan.</p>	<p>a) Sama seperti ketetapan untuk dana Kerajaan Persekutuan seperti di perenggan 3.9.1.</p>	

3.9.1 Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian/Sepenuhnya)	3.9.2 Dana Dalam UNIMAS (Sepenuhnya)	Rujukan
<p>b) Sekiranya Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah syarikat/anak syarikat BBP tersebut adalah merupakan pihak-pihak yang akan mempertimbangkan dan meluluskan perolehan tersebut, mereka yang terlibat perlu mengisytiharkan kepentingannya dan tidak berada dalam jawatankuasa/lembaga yang akan memutuskan perolehan tersebut bagi mengelakkan percanggahan kepentingan (<i>conflict of interest</i>).</p>		

3.10 Penggunaan Sistem ePerolehan (eP) MOF

Badan Berkanun Persekutuan diberikan pengecualian daripada pemakaian Sistem eP yang dibangunkan oleh MOF.

3.11 Projek *Public Private Partnerships* (PPP)

Semua projek PPP hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Sebarang pengecualian hendaklah dikemukakan kepada UKAS untuk keputusan melalui perakuan Lembaga Pengarah dan Kementerian Pengawal.